



## **AMARAN TEGAS BERKENAAN PENYALAHGUNAAN *QUICK RESPONSE CODE* BAGI AKTIVITI PEMBANGUNAN PROFESSIONAL BERTERUSAN (CPD QR CODE)**

Aktiviti Pembangunan Professional Berterusan (CPD) merupakan satu komponen penting bagi memastikan tahap kemahiran dan pengetahuan pengamal perubatan dikemaskini secara berterusan.

Walau bagaimanapun, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah mengambil maklum bahawa terdapat pengamal perubatan yang telah menyalahgunakan *Quick Response Code* bagi aktiviti Pembangunan Professional Berterusan (CPD QR Code) dengan menggunakan CPD QR Code tersebut untuk tuntutan mata kredit tanpa penyertaan sebenar dalam aktiviti CPD dan menyebarkan CPD QR Code tersebut kepada pengamal perubatan lain tanpa kebenaran pihak penganjur.

Sebagai badan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan profesion perubatan, MPM memandang serius perkara ini dan ingin mengecam sekeras-kerasnya perbuatan ini yang melanggar etika profesional dan menjejaskan imej profesion perubatan di negara ini.

Pihak MPM akan mengambil tindakan tegas terhadap pengamal perubatan yang didapati terlibat dalam penyalahgunaan CPD QR Code tersebut. Ini termasuk tindakan tatatertib dan perundangan yang sesuai berdasarkan Akta Perubatan 1971.

Justeru, MPM memberikan amaran tegas dan akhir kepada semua pengamal perubatan untuk menghentikan penggunaan CPD QR Code tersebut tanpa kehadiran sebenar dalam aktiviti CPD dan menyebarkan CPD QR Code tersebut kepada pengamal perubatan lain tanpa kebenaran pihak penganjur.

**MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**  
**12 Disember 2023**



## **A STERN WARNING REGARDING THE MISUSE OF QUICK RESPONSE CODE FOR CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT ACTIVITIES (CPD QR CODE)**

Continuing Professional Development (CPD) activities constitute a crucial component in ensuring that the skills and knowledge of medical practitioners are continually updated, with the aim of genuine professional development.

However, it has come to the attention of the Malaysian Medical Council (MMC) that there are medical practitioners who have misused the Quick Response Code for Continuous Professional Development Activities (CPD QR Code) by utilizing the CPD QR Code to claim credit points without genuine participation in CPD activities and unauthorized distribution of the CPD QR Code to other medical practitioners.

As the governing body responsible for medical profession, the MMC takes this matter seriously and strongly condemns such actions, which violate professional ethics and tarnish the image of the medical profession in our country.

The MMC will take stringent actions against medical practitioners found to be involved in the misuse of the CPD QR Code. These actions may include disciplinary measures and appropriate legal actions in accordance with the Medical Act 1971.

Therefore, the MMC issues a clear and final warning to all medical practitioners to cease utilizing the CPD QR Code without genuine participation in CPD activities and to cease the unauthorized distribution of the CPD QR Code to other medical practitioners.

**MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL**

**12<sup>th</sup> December 2023**